



SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 6 TAHUN 2022

TARIKH PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2023 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Pejabat Bendahari

W/ Disember 2022

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (18)

22 Disember 2022

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 6/2022

TARIKH PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2023

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua staf berkenaan tarikh pembayaran gaji tahun 2023 Universiti Malaysia Kelantan.
- 1.2 Peraturan ini dilaksanakan bagi memastikan penyediaan gaji dapat diuruskan dengan sempurna dan pembayaran gaji dapat dilakukan mengikut tarikh yang diluluskan bagi mengambilkira kesesuaian dan keperluan staf.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kertas Kerja Cadangan Tarikh Pembayaran Gaji Tahun 2023 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bilangan 19 Tahun 2022 (keli ke-265) yang bersidang pada 05 Disember 2022.
- 2.2 Kertas Kerja Cadangan Tarikh Pembayaran Gaji Tahun 2023 telah diperaku dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti secara edaran pada 08 Disember 2022.
- 2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 5 pada 15 Disember 2022 telah meluluskan Cadangan Tarikh Pembayaran Gaji Tahun 2023 kepada semua staf universiti dalam tempoh tidak melebihi 32 hari bagi setiap bulan.

3. TARIKH PEMBAYARAN GAJI

- 3.1 Tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2023 adalah seperti di **Lampiran 1.**

4. ELAUN LEBIH MASA

- 4.1 Staf yang dibenarkan untuk membuat Tuntutan Elaun Lebih Masa adalah sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 3.5 Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 5 Tahun 2022 : Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Universiti Malaysia Kelantan.
- 4.2 Staf berkenaan hendaklah memastikan bahawa setiap tuntutan kerja lebih masa disertakan dengan surat arahan dari Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengikut tempoh kerja lebih masa yang dijalankan.
- 4.3 Ketua PTj bertanggungjawab menyemak butiran permohonan tuntutan kerja lebih masa yang dikemukakan oleh staf serta memastikan baki peruntukan mengurus elaun lebih masa di Fakulti/Jabatan mencukupi.
- 4.4 Sebarang tuntutan hendaklah diluluskan oleh Ketua PTj sebelum atau pada tarikh seperti di **Lampiran 2.**
- 4.5 Kegagalan berbuat demikian menyebabkan pembayaran elaun lebih masa tidak dapat diproses dan akan dibayar pada bulan berikutnya.

5. PENYATA PERUBAHAN GAJI (ROC) DAN POTONGAN KELOMPOK

- 5.1 Bahagian Sumber Manusia hendaklah memastikan bahawa semua maklumat berkaitan pembayaran gaji dan elaun serta potongan kelompok dikemukakan melalui ROC mengikut tarikh yang ditetapkan seperti di **Lampiran 2.**

- 5.2 Arahan di perenggan 5.1 yang diterima lewat daripada tarikh yang ditetapkan akan diproses pada bulan berikutnya.

6. PEMAKAIAN

- 6.1 Surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



MOHD YUSRI BIN AWANG

Bendahari

b.p: Naib Canselor

Lampiran 1

TARIKH PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2023

BULAN	TARIKH	JUSTIFIKASI
Januari	19.01.2023 (Khamis)	<i>Tahun Baru Cina 22 & 23 Januari 2023 (Ahad & Isnin)</i>
Februari	20.02.2023 (Isnin)	
Mac	21.03.2023 (Selasa)	
April	17.04.2023 (Isnin)	<i>Hari Raya Puasa 22 & 23 April 2023 (Sabtu & Ahad)</i>
Mei	19.05.2023 (Jumaat)	<i>Hari Pesta Kaamatan 30 & 31 Mei 2023 (Selasa & Rabu)</i>
Jun	20.06.2023 (Selasa)	<i>Hari Gawai 1 & 2 Jun 2023 (Khamis & Jumaat) Hari Raya Haji 29 & 30 Jun 2023 (Khamis & Jumaat)</i>
Julai	21.07.2023 (Jumaat)	
Ogos	22.08.2023 (Selasa)	
September	22.09.2023 (Jumaat)	
Oktober	24.10.2023 (Selasa)	
November	24.11.2023 (Jumaat)	<i>Hari Deepavali 12 November 2023 (Ahad)</i>
Disember	19.12.2023 (Selasa)	<i>Hari Krismas 25 Disember 2023 (Isnin)</i>

Lampiran 2**TARIKH AKHIR KELULUSAN ELAUN KERJA LEBIH MASA
DAN PENGHANTARAN ROC TAHUN 2023**

BULAN	ELAUN KERJA LEBIH MASA	PENYATA PERUBAHAN GAJI (ROC)
Januari	08.01.2023 (Ahad)	09.01.2023 (Isnin)
Februari	08.02.2023 (Rabu)	09.02.2023 (Khamis)
Mac	08.03.2023 (Rabu)	09.03.2023 (Khamis)
April	05.04.2023 (Rabu)	05.04.2023 (Rabu)
Mei	07.05.2023 (Ahad)	08.05.2023 (Isnin)
Jun	07.06.2023 (Rabu)	07.06.2023 (Rabu)
Julai	09.07.2023 (Ahad)	10.07.2023 (Isnin)
Ogos	09.08.2023 (Rabu)	10.08.2023 (Khamis)
September	10.09.2023 (Ahad)	11.09.2023 (Isnin)
Oktober	10.10.2023 (Selasa)	11.10.2023 (Rabu)
November	12.11.2023 (Ahad)	13.11.2023 (Isnin)
Disember	06.12.2023 (Rabu)	06.12.2023 (Rabu)